



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Jualan Aneka Brunei 2019
mendapat sambutan penyertaan yang menggalakkan

Date: 10 Mei 2019

1. Sebanyak 467 buah premis perniagaan telah mendaftar untuk menyertai acara *Jualan Aneka Brunei 2019*, yang bertujuan bagi merangsang kegiatan aktiviti perniagaan di sektor runcit tempatan serta menggalakkan penduduk negara ini dan pelancong asing untuk membeli-belah di Negara Brunei Darussalam semasa musim perayaan di bulan Ramadhan dan Hari Raya.
2. Acara jualan tahunan di seluruh negara anjuran Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mencatatkan peningkatan lebih 20% pada tahun ini dalam penyertaan di kalangan para peniaga yang terdiri daripada gedung perniagaan, pasar raya, butik, kedai tekstil dan kasut, kedai perabot dan peralatan rumah, salun kesihatan dan kecantikan, kedai aksesori kenderaan dan kedai barangan peralatan sukan. *Jualan Aneka Brunei 2019* berlangsung selama 56 hari bermula 29 April hingga 23 Jun 2019.
3. Peningkatan penyertaan ini adalah satu perkembangan yang positif berikutan peniadaan peraturan mengenai peratus minima bagi tawaran diskaun dan barangan yang ditawarkan diskaun. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan melalui inisiatif memudahcara perniagaan dengan memberikan fleksibiliti kepada para peniaga dalam menentukan kadar potongan harga dan kadar jumlah barangan yang ditawarkan potongan harga. Ia juga turut menggalakkan para peniaga untuk mengambil langkah-langkah yang lebih kreatif dan inovatif dalam menyesuaikan strategi jualan dan diskaun agar lebih kompetitif bagi menarik para pelanggan dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif di Negara Brunei Darussalam.
4. Dalam pada itu, JPKE ingin menasihatkan para peniaga untuk sentiasa memainkan peranan masing-masing dengan menjalankan perniagaan secara beretika dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang sihat, bagi meningkatkan kredibiliti syarikat serta membina kepercayaan pengguna untuk berbelanja di Negara Brunei Darussalam.

5. JPKE seterusnya menasihatkan bahawa amalan perniagaan tidak wajar yang berpotensi untuk mengelirukan pengguna seperti caj tersembunyi (*hidden charges*), tidak memaparkan tanda harga, penggunaan huruf kecil bagi menyembunyikan terma dan syarat dalam menawarkan diskaun, memberi keterangan palsu serta mengambil kesempatan ke atas pengguna yang tidak mampu memahami transaksi adalah dilarang di bawah Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dan Peraturan Paparan Tanda Harga.
6. JPKE juga ingin menggalakkan orang ramai untuk mengambil peluang ke atas potongan harga dan promosi yang ditawarkan semasa acara *Jualan Aneka Brunei 2019* bagi perbelanjaan menyambut Ramadhan dan persediaan menjelang Hari Raya. Senarai peserta yang mengikuti *Jualan Aneka Brunei* boleh didapati melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak serta di laman sesawang JPKE. Syarikat perniagaan yang mengambil bahagian juga boleh dikenal pasti melalui paparan notis jualan di premis mereka yang dikeluarkan oleh JPKE.
7. Para pengguna adalah diingatkan untuk menggunakan hak mereka sebagai pengguna dalam membuat pilihan dengan membandingkan harga dan kualiti ketika membuat sebarang pembelian. Pengguna juga bertanggungjawab untuk meneliti terma dan syarat pembelian, jaminan (*guarantee*) serta menyimpan resit pembelian, sekiranya terdapat sebarang isu berbangkit selepas pembelian.
8. Sebarang maklum balas dan isu berkaitan hal ehwal pengguna boleh diajukan ke Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di JPKE melalui:
 - Hotline Pengguna: Talian Darussalam 123
 - Aplikasi mudah-alih: *PenggunaBijak / SmartConsumer*
 - Emel: aduanpengguna@jpke.gov.bn
 - Facebook: [AduanPenggunaJPKE](#)
 - Talian telefon JPKE: 2230223 (waktu bekerja)



Pelanggan membeli-belah di kedai yang mengambil bahagian dalam *Jualan Aneka Brunei 2019*



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Encouraging response from businesses in Jualan Aneka Brunei sales event

Date: 10 May 2019

1. 467 retailers have registered to participate in the *Jualan Aneka Brunei 2019*, which is aimed to stimulate business activities in the domestic retail sector and to encourage residents and tourists to shop in Brunei Darussalam during the festive Ramadhan and Hari Raya season.
2. The annual nationwide sales event organized by the Department of Economic Planning and Development (JPKE), Ministry of Finance and Economy has recorded a more than 20% increase in business participation this year with retailers ranging from department stores, supermarkets, boutiques, textile and footwear, house furnishing, health and beauty salons, car accessories and sports stores. The *Jualan Aneka Brunei 2019* is scheduled for 56 days beginning 29 April to 23 June 2019.
3. The increase in business participation is a positive response following the removal of sales regulation on minimum percentage of discount on goods to be offered on sale in stores. This measure is part of the ease of doing business initiative to allow businesses flexibility on deciding percentage of discount and proportion of goods to be offered on discount. It also incentivizes businesses to undertake more creative and innovative measures to adjust their sales and discount strategies to be more competitive in attracting consumers, to promote a more competitive business environment in Brunei Darussalam.
4. Meanwhile, JPKE would like to advise businesses to play their part in upholding a healthy business environment through ethical business practices towards building business credibility and to win consumers' trust to shop in Brunei Darussalam.

5. JPKE further advises that unfair business practices, which can potentially mislead consumers such as hidden charges, not displaying price tags, using small prints to conceal terms and conditions in giving discounts, making false claims and taking advantage of consumers who are not able to understand the transactions, are prohibited under the Consumer Protection Fair Trade Order (CPFTO) and the Price Display Regulations.
6. JPKE encourages the public to make the best of the discounts and promotions on offer during *Jualan Aneka Brunei 2019* for their Ramadhan and Hari Raya shopping. The list of sales participants is accessible on the *PenggunaBijak* mobile app and JPKE's website. Participating stores can also be identified by the sales notices issued by JPKE displayed on their premises.
7. Consumers are reminded to exercise their right to choose by comparing prices and quality in making value for money purchase decisions. Consumers are responsible to observe sales terms and conditions, guarantees and keeping their purchase receipts, in case of any required follow-up after the purchase.
8. Any feedback and consumer concerns can be reached out to the Consumer Affairs Division, Department of Competition and Consumer Affairs through:
 - Consumer Hotline: Talian Darussalam 123
 - Mobile application: *PenggunaBijak / SmartConsumer*
 - Email: consumercomplaint@jpke.gov.bn
 - Facebook: AduanPenggunaJPKE
 - JPKE telephone line: 2230223 (office hours)



Customers shopping at *Jualan Aneka Brunei 2019* participating stores